

BULETIN 20 PERANCANGAN 25 PLANMALAYSIA PERAK



SIDANG

PENGARANG



Penyelaras
TPr HjH Faridahwati binti
Mohd Salleh



Penasihat
YBhg. Dato' TPr Gs. Mohamed Zamri
bin Mohd Zain



Ketua Penyunting
Nur Nabilah binti Roszai



Penyunting
Balkhis binti Shariffuddin



Jurugambar
Mohd Shaiful Shah
bin Md Radzi



Hebahan Media Sosial
Razwani binti Osman

PERUTUSAN

PENASIHAT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Sidang Pengarang atas penerbitan Buletin Perancangan Jabatan ini. Penerbitan buletin ini merupakan satu inisiatif yang amat bermakna sebagai medium perkongsian maklumat, idea serta pencapaian jabatan dalam usaha memperkukuh budaya perancangan yang sistematik dan berimpak tinggi.


Perancangan yang berkesan adalah tunjang kepada kecemerlangan sesebuah organisasi. Melalui perancangan yang rapi, berfokus dan berpandangan jauh, jabatan dapat memastikan setiap pelaksanaan program dan aktiviti selari dengan visi, misi serta objektif strategik yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, buletin ini berperanan penting sebagai platform komunikasi bagi meningkatkan kefahaman warga jabatan terhadap hala tuju dan keutamaan perancangan organisasi.

Saya berharap buletin ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan, malah mampu mencetuskan idea-idea baharu, menggalakkan pemikiran strategik serta memperkukuh kerjasama dalam kalangan warga jabatan. Penglibatan dan komitmen semua pihak amat diperlukan bagi memastikan agenda perancangan jabatan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Akhir kata, syabas dan tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan dan diperkasakan demi kecemerlangan jabatan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Dato' TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain
Pengarah PLANMalaysia Perak



MESYUARAT PENYELARASAN DRAF AKTA PEMBAHARUAN BANDAR (PSB) BERSAMA PEGAWAI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN (PLANMALAYSIA PERAK) DAN PEGAWAI UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) NEGERI PERAK

IPOH, 7 Januari 2025 - YBrs. TPr Haji Hassan bin Yaakob, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), PLANMalaysia Ibu Pejabat telah mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Draf Akta Pembaharuan Bandar (PSB) bersama Pegawai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) dan Pegawai-pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) Negeri Perak bertempat di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak. Mesyuarat ini telah dihadiri seramai 14 orang pegawai dari PLANMalaysia Perak dan 20 orang pegawai dari Unit OSC, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak.

Tujuan mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan keperluan Akta Pembaharuan Semula Bandar dalam menyeragamkan peratusan tangkas (agile) dan menyeluruh (comprehensive) bagi mentadbir pembangunan semula bandar di Negeri Perak.



MAJLIS PERHIMPUNAN WARGA PLANMALAYSIA PERAK BIL.1/2025 DAN TAKLIMAT INTEGRITI

IPOH, 14 Januari 2025 – Majlis Perhimpunan Warga Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) Bil.1/2025 yang bertemakan Transformasi dan Taklimat Integriti telah berlangsung pada 14 Januari 2025 bertempat di *Tingkat Valley*, Taman Meru, Ipoh Perak yang di hadiri oleh 86 orang warga PLANMalaysia Perak.

Sempena Perhimpunan Awal Tahun 2025 ini, YBr. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah menyampaikan Amanat Awal Tahun 2025 dalam memperteguhkan agenda perancangan bandar dan desa di Negeri Perak serta turut melancarkan Transformasi Laman Web PLANMalaysia Perak.

Jabatan juga telah mengorak langkah dalam penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) dengan mewujudkan Mr TPr (*robotic*) sebagai pengantara Majlis. Transformasi ini sebagai satu langkah ke hadapan dalam mendukung aspirasi negara menuju ke arah pendigitalan penuh dan mendukung agenda *Smart Government* di bawah *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Perak 2040.

Disamping itu, Taklimat Integriti yang bertajuk “Berkatkah Gaji Kita” turut diadakan kepada warga PLANMalaysia Perak. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Khalid Faesal bin Abdul Rahman dari Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan integriti dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab dikalangan warga Jabatan.

Semoga warga PLANMalaysia Perak terus mengekalkan dan meningkatkan lagi prestasi cemerlang dan inovatif dalam memperteguhkan agenda dan peranan Jabatan serta bebas dari rasuah dan penyelewengan.



PENGUKUHAN PELAKSANAAN PENYAJIAN HIDANGAN SIHAT SEMASA MESYUARAT (PHSSM) DALAM PERKHIDMATAN AWAM SELARI DENGAN KEMPEN PERANGI GULA (WAR ON SUGAR) NEGERI PERAK



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) komited dalam melaksanakan Kempen Perangi Gula (*War On Sugar*) termasuklah gula tidak disediakan untuk minuman panas dan tiada sajian kuih manis di semua mesyuarat, bengkel, kursus dan sebagainya di jabatan.

KUNJUNGAN PRESIDEN MALAYSIAN ASSOCIATION OF SOCIAL IMPACT ASSESSMENT (MSIA) KE PLANMALAYSIA PERAK

IPOH, 17 JANUARI 2025- Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) TPr GS. Mohamed Zamri bin Mohd Zain telah menerima kunjungan hormat dari Presiden MSIA, TPr HerlIna binti Ab Aziz.

Kunjungan ini adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai keurusetiaan Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA di Negeri Perak dalam memperkukuhkan praktis penilaian impak sosial di negeri Perak. Semoga perbincangan ini memberi manfaat bersama dengan memantapkan pengurusan dan keurusetiaan SIA peringkat negeri Perak.



LAWATAN KERJA DAN SESI TAKLIMAT PERKONGSIAN PEMBANGUNAN MODUL ANALITIK PERINDUSTRIAN

PUTRAJAYA, 21 Januari 2025 – PLANMalaysia Perak melalui Bahagian Rancangan Pemajuan, Geospatial dan ICT telah mengadakan Program Lawatan Kerja ke Pusat Operasi MUO di PLANMalaysia.

Lawatan ini telah diketuai oleh YBrs. TPr Gs. Mohammed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak. Lawatan kerja ini telah dihadiri seramai 18 orang dan turut disertai oleh wakil-wakil daripada Syarikat Berkaitan Jabatan (GLC) Negeri Perak iaitu Institut Darul Ridzuan (IDR), *Perak Investment Management Centre (InvestPerak)* dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP).

Program Lawatan Kerja ini diadakan bertujuan bagi mendapatkan penerangan yang jelas mengenai keperluan untuk membangunkan analitik perindustrian, mengenalpasti tindakan yang perlu diambil bagi membangunkan Dashboard Analitik Perindustrian dan bagi melihat sendiri bagaimana Pusat Operasi MUO *Analytics Centre* beroperasi.

Taklimat ringkas mengenai MUO dan Dashboard Analitik Perindustrian telah dibentangkan oleh En. Peter Valentine Amandus Jr, Ketua Unit *Malaysia Urban Observatory* dan Cik Siti Zalina binti Abu Bakar, Pegawai Perancang Bandar dan Desa.

Semoga program lawatan kerja dan perkongsian ini dapat memberi manfaat bersama serta mengeratkan kerjasama bagi membangunkan Dashboard Analitik Negeri Perak.



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH SPNB PERAK KEPADA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN

IPOH, 28 Januari 2025 – Satu sesi kunjungan hormat En. Norazmi bin Nuruddin, Pengarah SPNB Perak kepada TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak telah berlangsung dengan jayanya.

Kunjungan ini membincangkan mengenai isu perancangan dan cadangan penambahbaikan bagi inisiatif SPNB merencanakan dan melaksanakan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di negeri Perak.

Semoga kolaborasi secara strategik ini meningkatkan kebolehlaksanaan pembangunan perumahan bagi rakyat Perak seterusnya mencapai Perak Sejahtera 2030.



TAKLIMAT KEPENTINGAN JAWATANKUASA PERANCANG WILAYAH (JPW)

PERAK, 17 Februari 2025 – Bahagian Perancang Wilayah (BPW), PLANMalaysia yang diketuai oleh Puan Sanisah binti Shafie, selaku Pengarah BPW bersama-sama pegawai dari Unit Rancangan Wilayah dan Unit Jawatankuasa Perancang Wilayah telah hadir ke PLANMalaysia Perak bagi menyampaikan sesi taklimat berikut :

- i. JPW PEKA;
- ii. JPW CEKAL; dan
- iii. Draf Terma Rujukan Rancangan Wilayah PEKA

Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Hajah Mazisawani binti Mahyuddin, Timbalan Pengarah BPW dan Cik Zuliana binti Nawawi, Ketua Unit Urus Setia JPW yang bertujuan untuk memberi hebahan dan pendedahan berkaitan kepentingan, fungsi dan peranan JPW PEKA dan JPW CEKAL kepada agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat di Negeri Perak selaras dengan fungsi JPW di bawah peruntukkan Seksyen 6 (A) , AKTA 172.

Hadir sama dalam sesi taklimat ini ialah TPr Hjh Faridahwati Mohd Salleh, Ketua Bahagian Korporat PLANMalaysia Perak, pegawai- pegawai dari PLANMalaysia Perak, UPEN, PTG, JPS, JKR, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan serta PBT Negeri Perak iaitu Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Daerah Kerian, Majlis Daerah Selama dan Majlis Daerah Lenggong.



PROGRAM IHYA RAMADAN

PROGRAM BAKUL RAMADAN

PLANMALAYSIA PERAK 2025

IPOH, 19 & 25 Mac 2025 - Bersempena bulan Ramadan 1446H, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) melalui Bahagian Korporat telah berkolaborasi bersama Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUBA), PLANMalaysia Perak menjalankan Program Bakul Ramadan 2025 bagi membantu golongan yang memerlukan.

Program ini telah bermula sejak 17 Mac 2025 dengan sumbangan dari warga PLANMalaysia Perak dan KESUBA kepada 10 keluarga di Masjid Al-Aulia, Jalan Kuala Kangsar, 26 keluarga di Tambun, di sekitar Manjoi dan Ipoh.

Agihan bakul Ramadan ini telah disampaikan oleh TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak bersama-sama Timbalan Pengarah PLANMalaysia Perak, warga Bahagian Korporat PLANMalaysia Perak dan KESUBA.

Semoga Inisiatif Program Bakul Ramadan PLANMalaysia Perak 2025 ini dapat bersama-sama membantu dengan berkongsi rezeki dalam menyambut ramadan yang mulia ini.



PLANMALAYSIA PERAK 1446H

PROGRAM SANTUNI DAN RAMAH MESRA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DAN ASNAF NURUL IMAN, MANJOI

IPOH, 20 Mac 2025 – Satu program ramah mesra dan menyantuni anak-anak yatim dan miskin Nurul Iman, Manjoi oleh TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak telah terlaksana dengan jayanya. Turut mengiringi beliau adalah pegawai-pegawai daripada PLANMalaysia Perak.

Program santuni mesra ini melibatkan anak-anak yatim dan asnaf seramai dua puluh (20) orang yang terdiri daripada mereka yang berumur daripada 4 tahun hingga 17 tahun. Pada majlis yang serba ringkas, YBrS TPr Gs. telah menyampaikan sumbangan peribadi iaitu pemberian duit raya, membiayai jamuan juadah raya dan menghadiahkan sebuah chiller baharu untuk kegunaan di pusat jagaan anak-anak yatim ini.

Semoga amalan baik ini mendapat keberkatan Allah SWT dan menggalakkan warga jabatan untuk terus bersedeqah di bulan penuh kemuliaan.



LAWATAN PENANDA ARAS BAGI PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA), JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN (PLANMALAYSIAPERAK) KE MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG (MPM)

IPOH, 17 April 2025 - Satu Sesi Lawatan Penanda Aras Bagi Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) PLANMalaysia Perak ke Majlis Perbandaran Manjung telah diadakan pada 17 April 2025 yang diketuai oleh YBr. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak. Turut serta dalam sesi lawatan ini juga TPr Hajah Faridahwati binti Mohd Salleh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Korporat merangkap Penyelaras Program dan Fasilitator EKSA, Ketua Jawatankuasa Promosi, Ketua Jawatankuasa Latihan, Ketua Jawatankuasa Audit Dalam dan Ketua-Ketua Zon EKSA Jabatan serta ahli Jawatankuasa EKSA seramai 22 orang.

Kunjungan rombongan ini telah disambut oleh YBr. Tuan Muhammad Faizal Shah bin Safian Suri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, YBr. Puan Noorhayati binti Abdul Rahim, Pengarah Kanan Jabatan Khidmat Pengurusan dan Puan Fatimah Nor binti Abd Rahim, Pengarah Audit Dalam dan Kualiti merangkap Setiausaha EKSA, Majlis Perbandaran Manjung.



Tujuan Lawatan Penanda Aras ini adalah untuk :-

1. Menimba ilmu dan pengalaman daripada pihak MPM yang telah berjaya melaksanakan EKSA dengan cemerlang;
2. Melihat secara langsung pelaksanaan amalan terbaik EKSA di agensi yang dilawati, termasuk pengurusan persekitaran kerja, penggunaan ruang, kebersihan, dan inovasi;
3. Mendapat inspirasi dan idea baharu untuk menambah baik pelaksanaan EKSA di PLANMalaysia Perak;
4. Meningkatkan komitmen dan kesedaran warga PLANMalaysia Perak terhadap kepentingan pelaksanaan EKSA dalam mewujudkan suasana kerja yang lebih sistematik, selesa, dan produktif;
5. Sebagai persediaan ke arah pensijilan EKSA PLANMalaysia Perak oleh Champion EKSA, Pejabat Setiausaha Negeri Perak

Semoga segala perkongsian pengalaman, cabaran, dan strategi yang telah digunapakai oleh pihak MPM dalam memastikan pelaksanaan EKSA ini dapat diterapkan dalam pengurusan EKSA PLANMalaysia Perak agar sentiasa relevan, mampan dan memberi impak positif kepada organisasi.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2024 & PERHIMPUNAN WARGA BIL.2/2025 PLANMALAYSIA PERAK

IPOH, 21 April 2025 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024 dan Perhimpunan Warga Bil.2/2025 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah diadakan bertempat di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh.

YBrs. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak telah merasmikan Majlis APC yang turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah, Ketua-ketua Bahagian dan 91 warga Jabatan.

Majlis ini telah memberi penghargaan kepada enam (6) orang Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024, iaitu:

- Encik Mohamad Saadam bin Mustafa (J9);
- Encik Mohammad Zurady bin Ahmad Nizuwan (JA5);
- Puan Nurul Annisa binti Johari (JA5);
- Puan Mariam binti Ramli (N3 (TBK2));
- Puan Norbaizura binti Salehuddin (N2);
- Cik Shahrizan binti Md Sarif (JA1).

Jabatan juga turut meraikan 15 orang penerima Sijil Prestasi Cemerlang (SPC) tahun 2024 dan 20 orang bagi Sambutan Hari Lahir Bulan April, Mei dan Jun 2025.

PLANMalaysia Perak mengucapkan setinggi - tinggi tahniah kepada semua penerima APC dan SPC serta Selamat Hari Lahir kepada warga Jabatan bagi bulan kelahiran April sehingga Jun 2025.




PERASMIAN PROTOTAIP GEOSILVER AI@MR. TPR (MR. TOWNPLANNER)

IPOH, 4 Jun 2025 – YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak telah merasmikan prototaip GeoSilver Ai@Mr. TPr sempena Majlis Peluncuran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 dan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Perak 2040 di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh.

Majlis ini dimeriahkan dengan kehadiran wakil-wakil pegawai dari kementerian/ jabatan/ agensi di peringkat negeri Perak. Turut hadir sama YBrs TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) bersama-sama 12 orang warga PLANMalaysia Perak bagi menjayakan reruai pameran Jabatan di majlis ini.

Prototaip GeoSilver AI @ Mr. TPr merupakan satu aplikasi pintar berbentuk chatbox berasaskan kecerdasan buatan (AI) yang dibangunkan oleh PLANMalaysia Perak telah beroperasi untuk menjawab pertanyaan berkaitan aspek rancangan pemajuan, perundangan, piawaian, garis panduan dan prosedur Perancangan Bandar khusus untuk Negeri Perak.

Secara tidak langsung, aplikasi pintar ini sebagai medium interaksi digital mempercepatkan dan memperkemarkan penyampaian maklumat perancangan bandar secara lebih tepat dan mesra pengguna selari dengan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Perak 2040 dan Pelan Perak Sejahtera 2030.



PROGRAM KORBAN PERDANA KESUBA 2025 PLANMALAYSIA PERAK

IPOH, 10 Jun 2025 - Program Korban Perdana anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUBA) PLANMalaysia Perak telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2025. Semangat ukhuwah, pengorbanan dan keikhlasan jelas terpancar dalam setiap warga jabatan yang turut serta menjayakan program ini.

Penyembelihan dan agihan daging korban telah dilaksanakan dengan penuh tertib dan gotong-royong, mencerminkan semangat kebersamaan serta tanggungjawab sosial terhadap masyarakat sekeliling.

Semoga amalan korban ini diterima oleh Allah SWT dan menjadi asbab keberkatan serta kebaikan buat kita semua. Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini.



KURSUS TEAM BUILDING PLANMALAYSIA PERAK TAHUN 2025

IPOH, 3 dan 4 Julai 2025 - Kursus *Team Building* PLANMalaysia Perak 2025 telah dilaksanakan dengan jayanya pada 3 dan 4 Julai 2025 bertempat di D'Rumah Bonda River View, Kuala Kangsar, Perak yang melibatkan 80 warga PLANMalaysia Perak.

Tema Kursus Team Building pada tahun ini, “Strength Together For One Vision”, amat bertepatan dengan aspirasi dan halatuju jabatan dalam mencapai visi bersama. Kekuatan sesebuah organisasi bukan sekadar terletak pada kepakaran individu, tetapi pada kesepaduan tenaga, persefahaman, serta kepercayaan antara satu sama lain.

Pelbagai aktiviti telah di rangka dan di susun yang dilihat bersesuaian dengan persekitaran berasaskan “Modul Survival” yang merangkumi program *Corporate Social Responsibility* (CSR), Jelajah Rimba, penginapan perkhemahan dan kerohanian ini diterapkan agar warga jabatan lebih berkeyakinan, cergas, berani dan dapat mengharungi cabaran-cabaran yang lebih baik dan efisien.

Secara tidak langsung, program ini dapat memperkukuh hubungan sesama rakan sekerja, berpeluang untuk mengenal potensi diri dan pasukan serta dapat melaksanakan tugas dengan lebih efektif dan berintegriti.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE- 68

IPOH, 31 Ogos 2025 -Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah menyertai Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Ke-68 Peringkat Negeri Perak di Hadapan Dewan Bandaran Ipoh, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh. Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini dengan tema “Malaysia MADANI : Rakyat Disantuni” telah dihadiri oleh YBrs. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak bersama-sama Kontinjen Perbarisan dan Perarakan PLANMalaysia Perak seramai 55 orang anggota yang diketuai oleh Encik Muhammad Fauzy bin Osman. TAHNIAH dan SYABAS kepada semua warga PLANMalaysia Perak yang terlibat dengan sambutan ini. Merdeka! Merdeka! Selamat Hari Kebangsaan 2025.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2025 PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

KAMPAR, 8 Disember 2025 – YAB Dato' Seri Haji Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2025 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan di Dewan Bandaran Kampar bertemakan “Pembaharuan Semula Bandar: Agenda Perancangan Untuk Rakyat” dan dihadiri oleh 500 orang tetamu jemputan.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak; YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa; YBrs Tuan Mohd Zairasyahli Shah bin Zakaria, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Perak; YBhg. Dato' TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak; YBrs Tuan Mohamad Kamil bin Mohamad Kasim, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Kampar dan YBrs Tuan Ahmad Suqairi bin Alias, Yang DiPertua, Majlis Daerah Kampar.

Kemuncak acara adalah penyampaian sijil penghargaan dan Anugerah Penghargaan Bandar Mampan 2025 kepada 15 PBT Negeri Perak, serahan Pelan Tindakan Khas (PTK) dan Projek Brief oleh PLANMalaysia kepada Agensi/ PBT serta penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang bagi Pertandingan Fotografi Kampar: Pekan Indah Kita 2025.

Turut diadakan lawatan Perasmian dan Sesi Tandatangan Plak Kampar Integrated Operations Center (IOC) Kampar dan tidak dilupakan penglibatan pempamer oleh jabatan/agensi di reruai pameran sempena sambutan ini dijalankan.

Semoga usaha murni ini merupakan ikhtiar berterusan untuk melebar luas produk dan perkhidmatan Kerajaan Negeri Perak kepada rakyat dalam usaha mencapai Pelan Perak Sejahtera 2030.





PROGRAM SAMBUTAN

HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) TAHUN PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



2025

LUNCHEON TALK
RUU PSB: Membela Pemilik atau Membela Pemaju



4 Sept.

RANDUK FOR LAMPAM
Volume 4



6 Sept

PERTANDINGAN FOTOGRAFI KAMPAR:
Pekan Indah Kami 2025



2-4 Okt.

SEMINAR 2.0
WHY I-ESG & I.R 5.0?



16 Okt.

GAHARU TRAIL RUN
@ GOPENG 2025



1 Nov.

SESI PENERANGAN & LIBAT URUS
Rang Undang-undang:
Pembaharuan Semula Bandar



4 Nov.

8 Dis. 2025



RERUAI PAMERAN
AGENSİ KERAJAAN



8 Dis.

PERTANDINGAN GUBAHAN
BUAH-BUAHAN



8 Dis.

PERTANDINGAN MEWARNA
KANAK-KANAK



8 Dis.

PERTANDINGAN BOLA SEPAK
4 PENJURU



8 Dis.

Xplorace
#Ipoh Trail Quest



29 Nov.







Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan
(**PLANMalaysia Perak**)

TINGKAT 3&7, BANGUNAN SERI PERAK,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB, 30646 IPOH,
PERAK MALAYSIA

 <https://planmalaysia.perak.gov.my/>     **PLANMalaysia Perak**